

PERLINDUNGAN

A-Life Legasi Builder

Vitality
Booster
dengan
AIA Vitality

MEMBINA LEGASI YANG LEBIH TEGUH DEMI JAMINAN HARI ESOK



**AIA PUBLIC
TAKAFUL**

Membina legasi yang lebih teguh demi jaminan hari esok



Hibah kepada yang tersayang,

dapatkan sehingga
6x Perlindungan




Bina Legasi yang Lebih Baik

apabila anda mendaftar
sebagai ahli AIA Vitality dan
dapatkan lebih faedah daripada
Vitality Booster



Dapatkan Legasi Rewards, Legasi Booster dan Maturity Booster

apabila anda kekal berdisiplin
dari segi kewangan. Lebih
ganjaran untuk perlindungan
yang lebih tinggi dan lama



Fleksibiliti untuk Membina Perlindungan dan Simpanan anda

dengan rider tambahan dan
maksimumkan tambah nilai
pelaburan secara berkala
melalui A-Plus Saver-i

Melihat faedah-faedah dengan lebih dekat

Hibah kepada yang Tersayang, Menjamin Masa Hadapan Generasi Akan Datang



Pelbagai Perlindungan Demi Jaminan Masa Depan Keluarga Yang Tersayang

Meninggal dunia atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) ¹	100% daripada jumlah perlindungan
Meninggal dunia akibat kemalangan ² atau semasa melaksanakan Haji atau Umrah	200% daripada jumlah perlindungan
Meninggal dunia akibat kemalangan ² semasa menggunakan pengangkutan awam	300% daripada jumlah perlindungan
Meninggal dunia akibat kemalangan ² berpunca daripada bencana alam	600% daripada jumlah perlindungan

Keluarga anda akan menerima salah satu feadah di atas atau nilai akaun dalam Dana Akaun Peserta, mana-mana yang lebih tinggi, ditambah dengan nilai akaun dalam Dana Pelaburan Peserta, dan Vitality Booster anda, jika anda meninggal dunia atau mengalami HUMK¹.



Pelan Legasi yang Istimewa untuk Generasi Anda yang Seterusnya

Sewaktu anda membina masa depan yang lebih baik untuk orang yang disayangi, anda juga boleh memastikan mereka dilindungi sebaiknya! Jika anda menyertai pelan ini untuk anak anda dan jika anda meninggal dunia akibat kemalangan², tambahan 100% daripada jumlah perlindungan semasa anda akan dibayar ke dalam Dana Pelaburan Peserta untuk simpanan pendidikan anak anda.

¹ Perlindungan HUMK adalah sehingga umur 70 tahun sahaja.

² Faedah kematian akibat kemalangan hanya berkenaan dari umur 18 tahun sehingga umur 70 tahun.

Bina legasi yang lebih baik dengan kekal sihat



Meringankan Beban Kewangan Keluarga Tersayang

Kos pengurusan harta mungkin berat. Kurangkan beban kewangan untuk keluarga anda dengan Faedah Pengurusan Harta Pusaka iaitu, amaun tambahan sehingga RM20,000 sekiranya anda meninggal dunia untuk meringankan kos pengurusan harta pusaka.



Kongsikan Legasi Anda dengan Komuniti

Tiada perasaan yang lebih baik daripada perbuatan memberi, terutamanya apabila kita membantu golongan yang memerlukan. Dengan tambahan rider A-Plus **Infaq**, kami akan membayar jumlah yang dilindungi rider ini kepada organisasi amal yang anda pilih sekiranya anda meninggal dunia atau mengalami HUMK¹.



Had Tanpa Pemeriksaan Perubatan yang Tinggi!

Anda boleh dilindungi sehingga RM4 juta tanpa perlu membuat sebarang pemeriksaan perubatan³.

Daftar sebagai ahli AIA Vitality sekarang dan nikmati faedah tambahan dengan Vitality Booster. Anda boleh menerima amaun tambahan yang dibayar kepada anda, bergantung kepada Status AIA Vitality apabila berlakunya peristiwa tuntutan⁴ atau sijil takaful anda matang.

AIA Vitality adalah program kesihatan unik yang berasaskan sains yang memperkasakan anda dengan ilmu, alat serta motivasi untuk membawa perubahan tingkah laku positif jangka masa panjang untuk menjalani kehidupan yang lebih sihat. Lebih sihat pilihan yang anda buat, lebih tinggi nilai yang akan anda terima daripada Vitality Booster.

Vitality Booster yang anda akan terima adalah berdasarkan Peratusan Vitality Booster (VBP) semasa anda atau VBP yang Dikunci*, yang mana lebih tinggi, apabila berlakunya peristiwa tuntutan⁴ atau apabila sijil takaful matang.

Vitality Booster** sewaktu peristiwa tuntutan⁴	=	VBP atau VBP yang Dikunci, mana-mana yang lebih tinggi	X	Jumlah pelindungan anda
Vitality Booster** sewaktu sijil takaful matang	=	VBP atau VBP yang Dikunci, mana-mana yang lebih tinggi	X	10% daripada jumlah pelindungan anda

Nikmati permulaan yang mudah dengan 10% VBP apabila mendaftar. Untuk setiap tahun berikutnya, VBP anda berkemungkinan akan meningkat, berkurang, atau kekal sama berdasarkan Status AIA Vitality anda pada setiap Ulang Tahun Vitality Booster.

Status AIA Vitality	Perubahan dalam Peratusan Vitality Booster
Platinum	Peratusan Vitality Booster meningkat sebanyak 1% (+1%) dari tahun sebelumnya
Emas	Tiada perubahan (0%) Peratusan Vitality Booster dari tahun sebelumnya
Perak	Peratusan Vitality Booster menurun sebanyak 1% (-1%) dari tahun sebelumnya
Gangsa	Peratusan Vitality Booster menurun sebanyak 2% (-2%) dari tahun sebelumnya

* Jumlah terkumpul VBP anda akan dikunci ketika umur 55 atau pada Ulang Tahun Vitality Booster yang ke-20, mana-mana yang kemudian.

** Vitality Booster yang anda akan dapat adalah tertakluk kepada maksimum 20% daripada jumlah perlindungan anda.

Semakin aktif anda dengan AIA Vitality, semakin tinggi VBP yang diperoleh; jika anda tidak aktif, anda mungkin boleh kehilangan faedah Vitality Booster ini.


⁴ Peristiwa tuntutan adalah apabila sijil tamat disebabkan oleh peristiwa tuntutan (i.e. apabila berlakunya kematian 100% pembayaran daripada faedah HUMK atau A-Plus Critical Shield-i, yang mana terdahulu).

³ Bergantung pada umur dan keadaan kesihatan orang yang dilindungi.

Bagaimanakah Peratusan Vitality Booster berfungsi?

Untuk Senario A, oleh kerana VBP semasa adalah **lebih tinggi** daripada VBP yang Dikunci, Vitality Booster akan ditentukan dengan menggunakan VBP semasa, iaitu 30%.

SENARIO A




VBP berterusan berubah bergantung kepada **Status AIA Vitality** dan kami akan membayar bergantung kepada VBP semasa yang lebih tinggi atau VBP yang Dikunci sewaktu matang.

*Peratusan Vitality Booster

Untuk Senario B, oleh kerana VBP semasa adalah **lebih rendah** daripada VBP yang Dikunci, Vitality Booster akan ditentukan dengan menggunakan VBP Dikunci, iaitu 20%.

SENARIO B



VBP berterusan berubah bergantung kepada **Status AIA Vitality** dan kami akan membayar bergantung kepada VBP semasa yang lebih tinggi atau VBP yang Dikunci sewaktu matang.

*Peratusan Vitality Booster

Pelan yang memberi ganjaran kepada anda apabila kekal berdisiplin dari segi kewangan

Apabila anda kekal berdisiplin dari segi kewangan untuk perancangan legasi anda, kami juga ingin membantu anda mencapai matlamat kewangan tersebut dengan Legasi Rewards, Legasi Booster dan Maturity Booster. Kami menggandakan Legasi Rewards, Legasi Booster dan Maturity Booster apabila anda mempunyai jumlah perlindungan yang lebih tinggi, bagi membantu anda membina legasi yang lebih kukuh.

Legasi Rewards

Legasi Rewards akan dibayar ke dalam Dana Pelaburan Peserta anda pada akhir tahun sijil ke-5 jika tempoh pembayaran caruman ialah 5 tahun dan pada akhir tahun sijil ke-10 bagi tempoh pembayaran caruman yang lain, dengan amaun yang berikut:

Tempoh Pembayaran Caruman	Peratus daripada Caruman Asas Tahunan ⁵	
	Amaun Perlindungan RM500,000 dan ke atas	Amaun Perlindungan RM500,000 dan ke bawah
20 tahun dan Caruman Dibayar sehingga Matang	4%	2%
10 tahun	2%	1%
5 tahun	1%	0.5%

Legasi Booster⁶

Pada akhir tahun sijil ke-20, Legasi Booster akan dibayar ke dalam Dana Pelaburan Peserta berdasarkan jadual di bawah:

Tempoh Pembayaran Caruman	Peratus daripada Caruman Asas Tahunan ⁵	
	Amaun Perlindungan RM500,000 dan ke atas	Amaun Perlindungan RM500,000 dan ke bawah
20 tahun dan Caruman Dibayar sehingga Matang	400%	200%
10 tahun	200%	100%
5 tahun	100%	50%

Legasi Rewards dan Legasi Booster dibayar jika anda memenuhi syarat berikut:

- Caruman di bayar sehingga ke hari ini;
- Tiada pengeluaran dilakukan daripada Dana Akaun Peserta kecuali bagi Peristiwa Peringkat Kehidupan; dan
- Sijil takaful masih berkuat kuasa.

Maturity Booster

Maturity Booster dibayar apabila sijil matang untuk memastikan anda dapat meraikan umur anda yang panjang dan menikmati tahun keemasan anda atau memberikannya kepada generasi anda yang akan datang.

Anda akan menerima amaun tambahan daripada jumlah nilai akaun sijil Takaful anda apabila matang, bergantung kepada tempoh perlindungan berdasarkan jadual di bawah:

Tempoh Perlindungan yang dipilih	Peratus daripada Nilai Akaun dalam Dana Akaun Peserta	
	Amaun Perlindungan RM500,000 dan ke atas	Amaun Perlindungan RM500,000 dan ke bawah
Sehingga umur 70	25%	12.5%
Sehingga umur 80	30%	15%

Maturity Booster dibayar jika anda memenuhi syarat berikut:

- Caruman di bayar sehingga ke hari ini;
- Tiada pengeluaran dilakukan daripada Dana Akaun Peserta kecuali bagi Peristiwa Peringkat Kehidupan.

Nota: Legasi Rewards, Legasi Booster dan Maturity Booster dibayar berdasarkan hibah (hadiyah) sebagai ganjaran kepada anda kerana mengamalkan tabiat kewangan yang baik.

⁵ Caruman Asas Tahunan yang digunakan harus bersamaan dengan Caruman Asas semasa. Ini termasuk apa-apa penolakan daripada Caruman Asas Tahunan akibat daripada, termasuk tetapi tidak terhad kepada tuntutan dan permintaan untuk mengurangkan Jumlah Perlindungan Asas.

⁶ Legasi Booster tidak terpakai untuk pilihan pelan yang tertentu.

Fleksibiliti untuk meningkatkan perlindungan dan simpanan anda



Pelbagai Pilihan Tempoh Perlindungan dan Pembayaran

Cari gabungan tempoh pembayaran dan perlindungan yang tepat untuk memenuhi keperluan perlindungan anda.



Pilih Manfaat Tambahan yang Sesuai untuk A-Life Legasi Builder

• A-Plus Critical Shield-i

Dapatkan manfaat tambahan dengan perlindungan terhadap 45 Penyakit Kritis, memberikan satu lapisan perlindungan pendapatan apabila anda tidak sihat. Faedah yang dibayar akan mengurangkan jumlah perlindungan asas.

• A-Plus Beyond Critical Shield-i

Perlindungan komprehensif yang memberi anda faedah sekaligus apabila anda didiagnosis dengan salah satu daripada 75 Penyakit Kritis lanjutan atau jika anda dimasukkan ke hospital dan memerlukan pengudaraan mekanikal selama 10 hari berturut-turut.

• A-Plus Waiver-i

Mengecualikan caruman tetap apabila didiagnosis dengan salah satu daripada 44 Penyakit Kritis yang dilindungi.

• A-Plus ParentWaiver-i

Mengecualikan caruman tetap bagi pelan anak anda sehingga beliau berumur 25 tahun sekiranya anda meninggal dunia, mengalami HUMK¹ atau apabila didiagnosis dengan salah satu daripada 44 penyakit kritis yang dilindungi.

• A-Plus Saver-i⁷

Tingkatkan simpanan anda dengan memperuntukkan caruman untuk meningkatkan nilai akaun anda dalam Dana Pelaburan Peserta.

Anda juga mempunyai pilihan untuk memaksimumkan nilai pelaburan anda dengan melakukan penambahan ad hoc⁷ pada bila-bila masa setelah pengeluaran sijil takaful anda.



Pilih Dana Mengikut Keperluan Pelaburan Anda


Caruman A-Plus Saver-i dan penambahan ad hoc boleh dilaburkan ke dalam 4 dana pelaburan berbeza yang bersesuaian dengan profil risiko anda dan dengan pendekatan kepada pasaran tempatan dan global.

1. A-Dana Strategic Equity
2. A-Dana Equity
3. A-Dana Balanced
4. A-Dana Income

⁷ Caruman yang diperuntukkan akan digunakan untuk membeli unit yang sesuai berdasarkan peruntukan pelaburan anda kepada Dana Pelaburan Peserta anda. Sebarang nilai akaun daripada Dana Pelaburan Peserta akan dibayar sewaktu penamatkan sijil takaful. Amaun minimum untuk penambahan ad hoc ialah RM5,000.

Sambutan peringkat hayat


Keluarkan sehingga 10% daripada nilai akaun anda dalam Dana Akaun Peserta untuk setiap peristiwa. Setiap peristiwa di bawah hanya dibenarkan sekali, kecuali "peristiwa peribadi", yang dihadkan sebanyak 2 kali.



Nota:

1. Pengeluaran adalah tertakluk kepada minimum RM10,000 yang tinggal di dalam nilai akaun Dana Akaun Peserta dan hanya satu pengeluaran bagi setiap peristiwa Peringkat Hayat setiap 3 tahun sijil.
2. Sebarang pengeluaran daripada Sambutan Peringkat Hayat ini tidak akan menjasikan kelayakan bayaran Legasi Rewards, Legasi Booster, dan Maturity Booster. Pengeluaran daripada Sambutan Peringkat Hayat dibenarkan selepas sijil takaful berkuatkuasa selama 5 tahun sijil dan akan ditolak daripada nilai akaun anda dalam Dana Akaun Peserta.

Bagaimana untuk bermula?



⁸ Pilihan umur tamat tempoh bergantung pada umur penyertaan.

Bagaimakah A-Life Legasi Builder berfungsi?

Encik Alwi, seorang lelaki bukan perokok yang berusia 30 tahun.

Amaun Perlindungan: RM1,000,000

Tempoh Perlindungan: Sehingga umur 70 tahun

Tempoh Bayaran Caruman: 20 tahun

Caruman: RM8,390



Encik Alwi telah menyertai Program AIA Vitality sejak permulaan dan kekal berstatus **Emas**.

Encik Alwi menerima perlindungan tambahan sebanyak RM100,000 daripada Vitality Booster sepanjang tempoh perlindungan.

Pada akhir tahun sijil ke-10 (Umur 40):

Bayaran pertama Legasi Rewards sebanyak RM335.60 dibayar ke dalam Dana Pelaburan Peserta.



Encik Alwi membayar carumannya secara konsisten dan tepat pada masanya sepanjang tempoh pembayaran caruman selama 20 tahun dan beliau tidak pernah membuat sebarang pengeluaran daripada Dana Akaun Peserta.



Encik Alwi terus menerima Legasi Rewards secara tahunan.

Apabila sijil matang, Encik Alwi akan menerima:

- Maturity Booster bersamaan dengan 25% daripada Nilai Akaun dalam Dana Akaun Peserta,
- Vitality Booster sebanyak RM10,000,
- Jumlah Nilai Akaun dalam Dana Akaun Peserta dan Dana Pelaburan Peserta termasuk Legasi Rewards dan Legasi Booster yang telah dibayar.



Pada akhir tahun sijil ke-20 (Umur 50):

Legasi Booster sebanyak RM33,560 dibayar ke dalam Dana Pelaburan Peserta.



Soalan-soalan lazim

S: Apakah maksud Takaful?

J: Takaful ialah skim saling bantu-membantu berdasarkan prinsip-prinsip perpaduan, persaudaraan dan kerjasama. Setiap peserta bersetuju untuk memberi caruman berdasarkan Tabarru' (derma) ke dalam dana, yang dinamakan Dana Risiko Peserta yang digunakan untuk saling bantu-membantu di saat diperlukan. AIA PUBLIC Takaful Bhd. (AIA PUBLIC Takaful) sebagai Pengendali Takaful diamanahkan untuk melabur dengan sewajarnya dan menguruskan dana ini berdasarkan strategi pelaburan mengikut prinsip-prinsip Syariah.

S: Apakah itu A-Life Legasi Builder?

J: A-Life Legasi Builder adalah pelan Takaful Keluarga dengan caruman berkala yang menyediakan faedah kematian dan HUMK. Selain itu, pelan ini menyediakan perlindungan tambahan bagi kematian atau kematian akibat kemalangan atau kematian semasa menuaikan Haji atau Umrah. Ia menawarkan perlindungan yang tinggi dengan jumlah perlindungan minimum sebanyak RM350,000. Anda boleh memilih tempoh pembayaran caruman dan tempoh perlindungan yang sesuai dengan keperluan anda.

Produk ini juga memberi ganjaran Faedah Pengurusan Harta Pusaka apabila anda meninggal dunia dan memberi ganjaran kepada anda kerana mengamalkan tabiat kewangan yang baik dengan Legasi Rewards, Legasi Booster dan Maturity Booster.

S: Siapakah yang layak untuk menyertai A-Life Legasi Builder?

J: Pelan ini tersedia untuk individu berumur antara 14 hari dan 70 tahun. Umur kematangan dan tempoh perlindungan adalah berbeza mengikut umur kemasukan seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Tempoh Perlindungan	Umur Penyertaan	
	5 atau 10 tahun	20 tahun dan bayaran penuh
Sehingga umur 70	14 hari hingga 60 tahun	14 hari hingga 50 tahun
Sehingga umur 80	14 hari hingga 70 tahun	14 hari hingga 60 tahun

S: Berapakah yang perlu saya bayar untuk A-Life Legasi Builder?

J: Caruman adalah tetap berdasarkan jumlah perlindungan yang dipilih. Jadual di bawah menunjukkan kadar caruman tahunan indikatif untuk amanah perlindungan berjumlah RM 500,000, untuk lelaki tidak merokok berumur 30 tahun dengan kesihatan standard, dengan umur matang / tempoh perlindungan sehingga umur 70:

Tempoh Bayaran Caruman	Caruman Tahunan (RM)
5	11,535
10	6,320
20	4,195
Tempoh Perlindungan Penuh	2,775

S: Berapa lamakah saya perlu membayar caruman untuk A-Life Legasi Builder?

J: Ianya bergantung mengikut tempoh caruman yang telah anda pilih, iaitu 5 tahun, 10 tahun, 20 tahun atau tempoh perlindungan penuh.

Caruman akan dibayar mengikut mod pembayaran yang dipilih: tahunan, setengah tahunan, suku tahunan dan bulanan.

S: Bagaimana caruman saya diperuntukkan?

J:	Caruman yang dibayar oleh Anda (kecuali A-Plus Saver-i dan mana-mana penambahan ad hoc)	
	Caruman yang Diperuntukkan	Yuran Wakalah (Caruman yang Tidak Diperuntukkan)
	<p>Amaun ini akan diperuntukkan ke dalam Dana Akaun Peserta dan Tabarru' akan ditolak daripada Dana Akaun Peserta secara bulanan.</p> <p>Berdasarkan kontrak Mudharabah (kontrak perkongsian keuntungan), sebarang pendapatan pelaburan daripada dana ini akan dikongsi mengikut nisbah yang telah ditentukan iaitu 20:80 di antara AIA PUBLIC Takaful dan anda. Bahagian anda akan diperuntukkan kembali ke dalam Dana Akaun Peserta.</p>	<p>Amaun ini digunakan untuk menampung perbelanjaan dan kos pengagihan AIA PUBLIC Takaful secara langsung, termasuk komisyen yang dibayar kepada Perancang Hayat AIA.</p> <p>Wakalah (agensi) adalah kontrak di antara anda dan AIA PUBLIC Takaful, di mana anda memberi kebenaran kepada kami untuk bertindak bagi pihak anda untuk menjalankan urusan-urusan takaful.</p>

Kadar peruntukan caruman berkala anda bergantung pada tempoh pembayaran caruman yang anda pilih. Sila rujuk Ilustrasi Produk dan Helaian Pendedahan Produk untuk maklumat lanjut. Bergantung kepada pilihan anda, sebahagian caruman anda akan diletakkan sebagai A-Plus Legasi Enhancer yang mempunyai kadar peruntukan yang lebih tinggi iaitu sebanyak 95%.

Untuk A-Plus Saver-i dan penambahan ad hoc, caruman yang diperuntukkan akan digunakan untuk membeli unit berdasarkan harga unit dan dimasukkan ke dalam Dana Pelaburan Peserta. Tiada potongan Tabarru' daripada Dana Pelaburan Peserta.

Caruman yang diperuntukkan dan Yuran Wakalah untuk A-Plus Saver-i dan penambahan ad hoc adalah seperti berikut:

Caruman yang Diperuntukkan	Yuran Wakalah (Caruman yang Tidak Diperuntukkan)
95% daripada caruman A-Plus Saver-i anda / Penambahan Ad Hoc	5% daripada caruman A-Plus Saver-i anda / Penambahan Ad Hoc

S: Apakah caj-caj dan yuran yang perlu saya bayar?

J:

Tabarru'	Caj Pengurusan Dana (CPD) (dikenakan bagi Dana Simpanan Peserta dan Dana Pelaburan Peserta, jika ada)															
Tabarru' akan ditolak setiap bulan bergantung pada umur anda dan ia akan meningkat seiring dengan umur anda.	Caj Pengurusan Dana (CPD) akan dikenakan bagi setiap dana (setahun) sebagai % daripada Nilai Aset Bersih: <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center; background-color: #f08080;">Bil</th><th style="text-align: center; background-color: #f08080;">Dana</th><th style="text-align: center; background-color: #f08080;">CPD</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">1</td><td style="text-align: center;">A-Dana Strategic Equity</td><td style="text-align: center;">1.5%</td></tr> <tr> <td style="text-align: center;">2</td><td style="text-align: center;">A-Dana Equity</td><td style="text-align: center;">1.5%</td></tr> <tr> <td style="text-align: center;">3</td><td style="text-align: center;">A-Dana Income</td><td style="text-align: center;">0.5%</td></tr> <tr> <td style="text-align: center;">4</td><td style="text-align: center;">A-Dana Balanced</td><td style="text-align: center;">1.2%</td></tr> </tbody> </table>	Bil	Dana	CPD	1	A-Dana Strategic Equity	1.5%	2	A-Dana Equity	1.5%	3	A-Dana Income	0.5%	4	A-Dana Balanced	1.2%
Bil	Dana	CPD														
1	A-Dana Strategic Equity	1.5%														
2	A-Dana Equity	1.5%														
3	A-Dana Income	0.5%														
4	A-Dana Balanced	1.2%														
Tabarru' adalah sumbangan bertujuan untuk bantuan bersama dan bantuan kepada Peserta lain yang memerlukan.	Caj Pengurusan Dana (CPD) akan ditolak pada setiap tarikh penilaian dan kami berhak untuk menyemak semula CPD dengan memberikan anda notis bertulis 3 bulan terlebih dahulu.															

S: Bolehkah saya menukar dana bagi A-Life Legasi Builder di bawah Dana Pelaburan Peserta saya dan apakah cajnya?

J: Ya, anda dibenarkan menukar dana mengikut tahap toleransi risiko anda. Caj penukaran pada masa ini adalah percuma. Walau bagaimanapun, kami boleh menyemak semula caj penukaran dengan memberikan notis 3 bulan mengenai semakan kepada peserta.

S: Adakah saya dapat menikmati sebarang Lebihan?

J: Lebihan akan ditentukan dan diumumkan, jika ada, sekurang-kurangnya sekali setahun oleh Pengendali Takaful. Sekiranya terdapat sebarang Lebihan daripada Dana Risiko Peserta, Lebihan bersih, selepas tuntutan yang perlu dibayar dan rizab yang diperlukan, akan dikongsi oleh Pengendali Takaful dan peserta-peserta yang layak, mengikut nisbah berikut:

	Pengendali Takaful	Peserta
Lebihan dalam Dana Risiko Peserta	50%	50%

Lebihan ini akan dikongsi dengan peserta-peserta yang layak dan akan dikreditkan ke dalam Dana Akaun Peserta. Peserta yang ingin membantu golongan yang memerlukan mempunyai pilihan untuk menderma Lebihan yang diterima ke pertubuhan amal jika mereka ingin berbuat sedemikian.

S: Apakah pengecualian-pengecualian untuk A-Life Legasi Builder?**J: Faedah Kematian atau Faedah Kematian semasa menunaikan Haji atau Umrah**

Pelan ini tidak melindungi Kematian yang disebabkan oleh membunuh diri semasa siuman atau tidak siuman dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh penyertaan atau tarikh mula, yang mana dahulu. Liabiliti AIA PUBLIC Takaful akan terhad kepada pembayaran balik nilai akaun bagi kedua-dua Dana Akaun Peserta dan Dana Pelaburan Peserta, tanpa keuntungan, bersama dengan jumlah keseluruhan Caj Wakalah, Tabarru' dan semua caj-caj yang ditolak dari tarikh penyertaan atau Tarikh mula, yang mana kemudian. Selepas itu, sijil takaful ini akan ditamatkan.

Faedah Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal¹

Pelan ini tidak melindungi:

- Mendedahkan diri kepada bahaya dengan sengaja atau perbuatan mudarat yang dilakukan ke atas diri sendiri semasa waras atau tidak waras; atau
- Serangan atau pembunuhan atau akibat perperangan (yang diisyiharkan atau yang tidak diisyiharkan), revolusi, rusuhan dan kekacauan awam, mogok atau aktiviti pengganas; atau
- Perbuatan salah seperti melanggar undang-undang atau cubaan untuk melanggar undang-undang atau melawan penahanan, penglibatan di dalam pergaduhan, perlumbaan melibatkan kendaraan beroda atau kemalangan yang diakibatkan oleh pengaruh alkohol atau dadah;
- Memasuki, keluar daripada, mengoperasi, menyelenggara atau diangkut oleh sebarang alatan atau kendaraan udara melainkan apabila Orang Dilindungi merupakan seorang penumpang yang membayar tambang atau seorang anak kapal di atas penerbangan komersil yang membawa penumpang menggunakan laluan penumpang yang biasa mengikut jadual yang telah ditetapkan; atau
- Hilang upaya yang telah sedia ada yang disebabkan keadaan fizikal atau mental dan keadaan-keadaan sedia ada yang telah wujud sebelum Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana lebih kemudian.

Faedah Kematian akibat Kemalangan (termasuk semasa menggunakan Perkhidmatan Awam atau akibat Bencana Alam)

Pelan ini tidak melindungi:

- Mendedahkan diri kepada bahaya dengan sengaja atau perbuatan mudarat yang dilakukan ke atas diri sendiri semasa waras atau tidak waras; atau
- Serangan atau pembunuhan atau disebabkan perperangan (yang diisyiharkan atau yang tidak diisyiharkan), revolusi, rusuhan dan kekacauan awam, mogok atau aktiviti pengganas; atau
- Perbuatan salah seperti melanggar atau cubaan untuk melanggar undang-undang atau melawan penahanan, pembabitan di dalam sebarang pergaduhan atau perlawanan, perlumbaan kendaraan atau kemalangan yang disebabkan oleh pengaruh alkohol atau dadah; atau
- Memasuki, keluar daripada, mengoperasi, menyelenggara atau diangkut oleh sebarang alatan atau pengangkutan udara melainkan apabila Orang Dilindungi adalah seorang penumpang yang membayar tambang atau seorang anak kapal di atas pesawat pembawa penumpang komersil yang di dalam perjalanan mengangkut penumpang yang telah dijadualkan mengikut laluan yang telah ditentukan.

Sila rujuk sijil takaful untuk penerangan lanjut bagi pengecualian.

Pendedahan umum

1. Anda harus menentukan bahawa pelan ini adalah yang terbaik untuk memenuhi keperluan anda dan anda mampu membayar caruman di bawah sijil takaful.
2. Jika sijil takaful dibatalkan dalam tempoh percubaan selama lima belas (15) hari, kami akan membayar balik Jumlah Nilai Akaun bersama-sama dengan Yuran Wakalah, Tabarru' dan semua caj yang ditolak dari Tarikh Penyertaan selepas ditolak perbelanjaan perubatan, jika ada.
3. Anda hendaklah terus membayar caruman secara tetap sepanjang tempoh pembayaran caruman bagi memastikan anda sentiasa dilindungi sepenuhnya di bawah pelan ini. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan perlindungan anda berakhir secara pra-matang.
4. Sila rujuk kepada Illustrasi Produk dan Helaian Pendedahan Produk untuk maklumat lanjut produk ini.
5. Penyertaan dalam pelan Sijil Takaful Keluarga dengan caruman berkala adalah komitmen jangka panjang. Anda tidak digalakkan untuk memegang pelan ini untuk jangka yang singkat memandangkan kos permulaannya yang tinggi.
6. Tiada faedah akan dibayar daripada dana masing-masing selepas dibatalkan, tamat tempoh atau kematangan sijil takaful.
7. Yuran dan caj untuk pelan ini tidak dijamin dan AIA PUBLIC Takaful berhak untuk menyemak semula yuran dan caj tersebut dengan memberikan notis bertulis 3 bulan terlebih dahulu.
8. Risalah ini adalah untuk memberikan ringkasan ciri-ciri utama pelan ini. Ia tidak bukan sebahagian sijil takaful. Sila rujuk sijil takaful untuk maklumat lanjut atau terma dan syarat yang tepat.
9. Anda berhak mendapat pelepasan cukai individu semasa anda menyertai pelan ini, tertakluk pada terma dan syarat Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).
10. Sila ambil perhatian bahawa caruman yang dibayar oleh organisasi perniagaan adalah tertakluk kepada cukai yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia pada kadar semasa.

(Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong)
(This page is intentionally left blank)

Pendedahan yang berkaitan dengan Dana Pelaburan Peserta

1. Jika anda melampirkan A-Plus Saver-i atau membuat penambahan ad hoc, sebahagian daripada caruman yang dibayar di bawah pelan ini akan dilaburkan ke dalam dana berkaitan pelaburan. Anda harus mempertimbangkan sama ada Dana ini memenuhi objektif pelaburan anda dan toleransi terhadap risiko.
2. Anda harus tahu bahawa sebarang pelaburan membawa risiko-risiko pelaburan yang tertentu yang akan ditanggung sepenuhnya oleh anda (peserta) dan pulangan mungkin kurang daripada jumlah caruman yang dibayar. Sila rujuk helaian fakta dana untuk maklumat tambahan tentang dana berkaitan pelaburan.
3. Nilai Akaun dalam Dana Pelaburan Peserta tidak dijamin dan turun naik berdasarkan prestasi dana dan ianya tidak dijamin Prestasi lalu bukan panduan untuk prestasi masa depan yang mungkin berbeza.
4. Aset-aset di bawah setiap Dana dinilai pada setiap hari perniagaan untuk menentukan harga unit bagi setiap unit.
5. AIA PUBLIC Takaful berhak untuk menggantung pengeluaran atau penebusan unit dalam apa-apa keadaan yang dikecualikan seperti penutupan sementara apa-apa pertukaran berdaftar yang berkenaan atau kemungkinan kesan buruk jualan am pelaburan dalam tempoh yang singkat.
6. Produk ini adalah produk takaful yang terikat kepada prestasi aset dan bukan merupakan 'produk pelaburan tulen seperti unit amanah.'

Building a lasting legacy for a better tomorrow



Hibah to your loved ones,
get up to 6x Protection

Vitality


Build a Better Legacy

when you sign up for AIA Vitality and get more from Vitality Booster



Receive Legasi Rewards, Legasi Booster and Maturity Booster

when you stay financially disciplined. More rewards for higher and longer protection



Flexibility to Build Up Your Protection and Savings

with additional riders and maximise investment with regular top-up via A-Plus Saver-i

A closer look at the benefits Hibah to Your Loved Ones, Securing the Future of Generations to Come



Care for Your Loved Ones, Multiple Protection for Yourself

Death or Total Permanent Disability (TPD) ¹	100% of coverage amount
Accidental death ² or death during Hajj or Umrah	200% of coverage amount
Accidental death ² while in public conveyance	300% of coverage amount
Accidental death ² due to natural disaster	600% of coverage amount

Your loved ones will receive one of the benefits above or the account value in the Participant's Account Fund, whichever is higher, in addition to the account value in the Participant's Investment Fund, and your Vitality Booster, if you pass away or suffer from TPD¹.



A Special Legacy Plan for Your Next Generation

